


**PERUBAHAN DALAM SISTEM PEMBAHAGIAN HARTA
PUSAKA: SATU KAJIAN KES DI KALANGAN PENGANUT ADAT
PERPATIH DI SUNGAI UJONG.**

MAIZATUL AKMAM MOHD. HUSSAIN

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1999**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

**PERUBAHAN DALAM SISTEM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA: SATU
KAJIAN KES DI KALANGAN PENGANUT ADAT PERPATIH DI SUNGAI
UJONG**

Oleh

MAIZATUL AKMAM MOHD. HUSSAIN

Kertas Projek ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi

Penyalia

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

8 - 3 - 99

Tarikh

10 - 3 - '99.

Tarikh

**PERUBAHAN DALAM SISTEM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA: SATU
KAJIAN KES DI KALANGAN PENGANUT ADAT PERPATIH DI SUNGAI
UJONG**

MAIZATUL AKMAM MOHD. HUSSAIN

**KERTA PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN
KEPUJIAN**

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1999**

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**28 Februari 1999
Tarikh**


**Tandatangan
Maizatul Akram Mohd. Hussain
48610**

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan taufik dan hidayah serta keizinan-Nya jua, maka penyempurnaan Kertas Projek ini dapat direalisasikan seperti yang sedia ada.

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Mohd. Yusof Md. Nor, selaku penyelia yang telah banyak menyumbangkan bakti dalam usaha menjalankan kajian dan menyiapkan Kertas Projek ini. Komitmen, bimbingan, nasihat serta idea yang beliau berikan begitu bermakna dan bernas sekali. Begitu juga jutaan terima kasih kepada barisan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, khususnya buat Drs. Lokman Mohd. Zen yang telah banyak mencurahkan nasihat dan ilmu kepada saya sepanjang tempoh pengajian ini.

Buat ayahanda Mohd. Hussain Hj. Saharum, bonda Sapiah Abd. Rani, nenda Hj. Saharum Baharuddin dan Hjh. Fatimah Mat Ibrahim, abang serta keluarga, terima kasih segalanya. Sesungguhnya, pengorbanan, kasih sayang, keprihatinan dan iringan doa kalian selama ini telah membangkitkan semangat dan keyakinan diri ini untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan. Buat rakan-rakan seperjuangan, terutamanya Idah, Maizura, Faiz, Syikin, Aisyah dan Ina, jasa kalian tetap dikenang.

Tidak ketinggalan, sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada barisan responden; Penolong Pengarah Seksyen Pembahagian Harta Pusaka Negeri Sembilan, En. Sulaiman Kadimin, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Hj. Murthada Ahmad, Penolong Pengarah Unit Khidmat Nasihat (Bahagian Undang-undang Syariah, Negeri Sembilan), Hj. Murad B. Mohd. Yusof, Kaunselor Unit Khidmat Nasihat (Bahagian Undang-undang Negeri Sembilan), Pn. Asmawati Baharudin, Buapak bagi kawasan Labu, Omar B. Tasmin, Penolong Setiausaha Penerangan UMNO Negeri Sembilan, Fadhilah Fadhil B. Othman dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Tunggal Negeri Sembilan, Pn. Che Tom Bt. Kassim.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang turut terlibat secara langsung dan tidak langsung, terutamanya kepada semua kakitangan Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Agama Islam Negeri Sembilan, terima kasih di atas kerjasama dan perhatian kalian.

Sekian, Wassalam.

Maizatul Akmam Mohd. Hussain.
Jabatan Persuratan Melayu,
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Kajian yang memfokuskan kepada pengamal Adat Perpatih Di Negeri Sembilan ini, bertujuan untuk menganalisis serta memastikan sejauhmana pengamalan sistem pembahagian harta pusaka secara sistem adat, dilaksanakan di Sungai Ujong pada masa kini. Seterusnya, meninjau sama ada terdapatnya perubahan dalam sistem pembahagian hartanya setelah menerima pengaruh luar seperti Inggeris dan Islam. Justeru itu, membuat pengamatan tentang perbezaan ketara antara kedua-dua ciri-ciri sistem pewarisan harta pusaka iaitu Hukum Faraidh dan sistem Adat Perpatih. Hasil daripada kajian dan pengamatan yang telah dilakukan, ternyata bahawa pembahagian harta secara Hukum Faraidh adalah adil dan sempurna berbanding sistem adat. Ini berdasarkan Hukum Faraidh adalah bersumberkan Al-Quran, manakala sistem adat adalah satu bentuk ideologi hasil ciptaan manusia yang boleh diubah sekiranya bertentangan dengan lunas-lunas Islam. Demikian juga terdapat aspek yang menimbulkan kesamaran dan kekeliruan di dalam sistem pembahagian harta Adat Perpatih iaitu tentang konsep harta pusaknya, di samping beberapa konsep harta lain seperti harta carian, dapatan dan pembawaan. Konsep harta dalam Adat Perpatih amat mengelirukan kerana ia lebih mementingkan suku. Selain itu, kesamaran lain yang timbul ialah tentang nisbah pembahagian di antara waris-waris perempuan sendiri yang menerima harta pusaka itu tidak jelas. Cuma dinyatakan, pada kebiasaannya anak perempuan yang bongsu akan menerima harta pusaka yang terdiri daripada tapak rumah, rumah pusaka dan sebagainya. Ekoran itu, ini telah menjadi kontroversi di kalangan masyarakat adat dan masyarakat luar daripada lingkungan adat. Rata-rata masyarakat memperdebatkan dan mempertikaikan sistem pembahagian harta pusaka adat secara kolektif iaitu mengikut jurai keturunan wanita (*matrilineal*). Sistem ini dikatakan bertentangan dengan lunas-lunas Islam dan berat sebelah iaitu seolah-olah menganaktirikan kaum lelaki. Di samping itu juga, kini wujudnya ketidakselarasan pembahagian harta di kalangan masyarakat adat di Sungai Ujong. Terdapat di kalangan masyarakat adat yang mengamalkan pembahagian harta menurut Hukum Faraidh, sistem adat dan terdapat majoriti masyarakatnya mengambil jalan tengah dengan membahagikan harta secara permuafakatan. Dengan itu, didapati perlaksanaan pembahagian harta pusaka di Sungai Ujong telah mengalami perubahan akibat daripada faktor sejarah, pengaruh luar, pengaruh ulama' dan peredaran masa. Demikian juga didapati bahawa pengamalan sistem adat di Sungai Ujong, khususnya di Labu/Nilai, Rasah dan Rantau adalah tidak menyeluruh dan mengalami perubahan dari semasa ke semasa.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v

BAB PERTAMA : PROPOSAL

1.1. Pengenalan	1
1.2. Justifikasi Kajian	
1.2.1. Latar Belakang Kajian dan Permasalahan	7
1.2.2. Skop Kajian	8
1.3. Gelintiran Kesusasteraan	10
1.4. Tujuan Kajian	12
1.5. Kerangka Teori/konsepsual	
1.5.1 Harta Pusaka	13
1.5.2 Sistem Pewarisan Harta Pusaka	14
1.6. Metodologi	16
1.7. Hipotesis	19

BAB KEDUA : PEWARISAN HARTA PUSAKA MENURUT ADAT PERPATIH DAN HUKUM FARAI DH

2.1 Konsep Harta Menurut Adat Perpatih	20
2.1.1 Pusaka Benar	21
2.1.2 Pusaka Sendiri	23
 2.2 Harta Perkahwinan	 24
2.2.1 Harta Carian	25
2.2.2 Harta Dapatan	25
2.2.3 Harta Pembawaan	26
2.2.4 Carian Bujang	26
2.2.5 Carian Laki Bini	27
 2.3 Konsep Harta Pusaka Menurut Perspektif Islam	
2.3.1 Definisi Faraidh	28
2.3.2 Rukun Pepusakaan	29
2.3.3 Sebab-Sebab Pepusakaan	29
2.3.4 Syarat-Syarat Menerima Pusaka	30
2.3.5 Sistem Pembahagian Harta Menurut Syarak	31
2.3.6 Waris Yang Menerima Pusaka	32

BAB KEDUA : PEWARISAN HARTA PUSAKA MENURUT ADAT PERPATIH DAN HUKUM FARAI DH

2.1 Konsep Harta Menurut Adat Perpatih	20
2.1.1 Pusaka Benar	21
2.1.2 Pusaka Sendiri	23
 2.2 Harta Perkahwinan	 24
2.2.1 Harta Carian	25
2.2.2 Harta Dapatan	25
2.2.3 Harta Pembawaan	26
2.2.4 Carian Bujang	26
2.2.5 Carian Laki Bini	27
 2.3 Konsep Harta Pusaka Menurut Perspektif Islam	
2.3.1 Definisi Faraidh	28
2.3.2 Rukun Pepusakaan	29
2.3.3 Sebab-Sebab Pepusakaan	29
2.3.4 Syarat-Syarat Menerima Pusaka	30
2.3.5 Sistem Pembahagian Harta Menurut Syarak	31
2.3.6 Waris Yang Menerima Pusaka	32

BAB KETIGA : HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	33
BAB EMPAT : KESIMPULAN	42
4.1 Rumusan	42
BIBLIOGRAFI	49
LAMPIRAN	

BAB PERTAMA

PROPOSAL

1.1 PENGENALAN

Pada asasnya, Adat Perpatih merupakan kebudayaan orang Melayu tempatan di Negeri Sembilan. Sebagai satu kebudayaan, Adat Perpatih adalah satu sistem yang kompleks dan di dalamnya terkandung pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, estetika, undang-undang, adat resam dan segala kebolehan yang dipelajari oleh individu sebagai ahli masyarakat pengamalannya. Perbezaan utamanya daripada masyarakat lain adalah dari segi dasar utama kebudayaannya yang mengikut nasab ibu.

Dewasa ini, timbulnya pelbagai persoalan yang mempersoalkan sama ada Adat Perpatih itu statis, tidak menerima sebarang perubahan dan telah ketinggalan zaman. Namun begitu, sekiranya dinilai secara positif, adat itu ada menyatakan bahawa:

Ibu adat muafakat;
usang-usang diperbaharui,
yang lapok disokongi;
yang elok dipakai.

Melihat contoh pada yang lampau,
 melihat tuah pada yang menang;
 yang senteng dilabuhkan,
 yang panjang dikerat,
 yang rumpang disisik.

Sekali air bah,
 sekali pasir berubah,
 sekali raja mangkat;
 sekali adat beralih,
 sekali tahun beredar,
 sekali musim bertukar.

Perbilangan di atas sering dikatakan sebagai salah satu dari tunjang falsafah dan ideologi Adat Perpatih. Ia jelas menunjukkan bahawa adat boleh diperbaharui serta diubahsuai mengikut keadaan, masa dan tempat. Oleh yang demikian, dari segi falsafah dan semangatnya, adat itu bukanlah sesuatu yang kaku, beku atau statis tetapi sebaliknya boleh diubah dan diwarnakan. Namun begitu, amat penting bahawa fleksibiliti adat ini adalah tidak sama (Norhalim Haji Ibrahim, 1994: 69-70).

Pada asasnya, terdapat empat kategori adat yang dikenalpasti iaitu:

Adat yang sebenar adat,
 Adat yang teradat,

Adat yang diadatkan, dan

Adat isitiadat.

Daripada empat kategori adat tersebut, hanya kategori yang pertama sahaja iaitu **adat yang sebenar adat** yang paling rendah daya luntarnya atau paling sukar diubah. Pada zaman moden ini, adat yang dikatakan sebenar adat ialah undang-undang yang telah diwartakan atau digazetkan (A. Samad Idris, 1996: 17-18). Semua adat tersebut telah dibincangkan oleh pembesar-pembesar adat serta anak buah masing-masing sebelum dipakai.

Hakikatnya, adat inilah yang mungkin dibilangkan sebagai “adat nan tak lekang dek panas, tak lapok dek hujan”. Ini adalah kerana ianya samalah seperti segala yang haram dalam Islam itu, tidak boleh dihalalkan meskipun manusia rasional boleh mengadakan justifikasi bagi perubahan itu.

Manakala, **adat yang teradat** pula merupakan kebiasaan yang diterima oleh masyarakat tanpa mesyuarat atau ditetapkan terlebih dahulu (Abdullah Siddik, 1975: 9). Adat yang dimaksudkan di dalam klasifikasi ini merupakan warisan turun-temurun daripada nenek moyang yang banyak berlaku di dalam kehidupan seharian dan menjadi pegangan. Misalnya, adat melenggang perut dan mencukur rambut bayi adalah antara adat dalam kategori ini yang masih diamalkan dalam masyarakat hingga kini.

Adat yang diadatkan pula, lebih merupakan peraturan dan ketetapan yang diambil dari hasil permuafakatan yang bertujuan untuk mengatur masyarakat dalam segala bidang terutama dalam kehidupan sosial. Ertinya, sesuatu yang kebiasaannya telah terpakai dan telah dipusakai dari nenek moyang dahulukala (A. Samad Idris, 1996: 18). Adat ini akan tetap wujud selagi ia masih ditaati oleh masyarakat dikalangan masyarakat Adat Perpatih.

Selain itu, **adat istiadat** pula merupakan adat yang mempunyai daya tahan yang paling lemah kerana ia boleh berubah atau berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain. Pada kebiasaannya, ia berlaku di tengah masyarakat umum atau setempat dan cara-cara yang diajukan serta diterima umum sebagai sah dan stabil.

Secara amnya, masyarakat Negeri Sembilan telah mengamalkan sistem ini tidak kurang daripada 600 tahun yang lalu. Jangkamasa tempoh yang begitu panjang ini telah membawa perubahan ke atas pengamal adat yang diakibatkan oleh kemasukan anasir-anasir luar. Perubahan yang amat ketara telah berlaku pada permulaan abad ini apabila penjajah Inggeris telah mengenepikan hampir keseluruhan struktur dan organisasi sistem adat ini serta menggantikannya dengan sistem birokrasi moden-ala-barat ke dalam kehidupan masyarakat negeri ini. Momentum perubahan terutama sekali dari segi nilai dan pandangan hidup ini semakin ketara apabila rakyat negara ini didedahkan dan terdedah dengan nilai-nilai barat.

Realitinya, Adat Perpatih wujud terlebih dahulu di Minangkabau daripada agama Islam. Adat ini khusus membicarakan tentang peraturan-peraturan hidup di dunia, manakala Islam membawa soal tuhan dan akhirat. Sesungguhnya, adat menerima Islam dan ia tidak menentangnya kerana pertentangan hanya akan membawa kerosakkan. Ini boleh dilihat berdasarkan pepatah:

Adat ke hukum mati hukum
Hukum ke Adat mati Adat.

Kedua-duanya mempersoalkan “kebaikan”. Pada adat menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik. Pada syarak menyuruh berbuat baik, menegah berbuat jahat. Perbezaan ketara antara adat dan Islam dari segi logiknya. Kebenaran adat ialah kebenaran relatif dan kebenaran Islam pula adalah kebenaran mutlak.

Dalam masyarakat Adat Perpatih, hubungan adat dengan syarak adalah saling lengkap melengkapi, seperti yang digambarkan dalam pepatah berikut:

Adat bersendi Hukum,
Hukum bersendi Kitabullah,
Kuat Adat tidak gaduh Hukum,
Kuat Hukum tidak gaduh Adat,
Ibu Hukum muafakat,
Ibu Adat muafakat.

(Nordin Selat, 1976: 26).

Dalam pengurusan harta di dalam Adat Perpatih dan sistem pembahagian harta mengikut hukum Syarak, terdapat beberapa aspek yang bersamaan, bertentangan dan aspek yang menimbulkan kesamaran. Aspek yang bersamaan ialah pembahagian harta pusaka kepada anak-anak apabila isteri meninggal dunia. Tetapi, tidak diterangkan jumlah pembahagiannya terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Hal ini merupakan satu kesamaran di antara Adat Perpatih dengan Hukum Syarak.

Sesungguhnya, pengalaman sejarah masyarakat Melayu umumnya dan masyarakat Adat Perpatih khususnya, dalam pelbagai peringkat telah mempertembungkan berbagai-bagai sistem budaya, akal fikiran, alatan dan pengetahuan. Dari zaman kewujudan asal yang sudah terlalu kabur bentuk dan sifat-sifat kepada zaman-zaman Hindu Buddha yang sudah terbuang. Walaupun Islam yang kukuh dan semakin bangkit serta fahaman kebaratan yang kekal dan terus berpengaruh, namun prinsip dan gagasan adat masih terus berlaku.

Lantaran perjalanan sejarah adat ini sudah melalui tahap-tahap ratusan tahun, namun ia tetap ada dan masih terus berfungsi, walaupun tidak secara total. Jikalau sistem adat merupakan suatu yang lemah, sudah tentu dalam jangkamasa ratusan tahun itu sudah cukup untuk menghancurkan dan menghapuskannya bagi debu zaman.

Namun, ia tetap tumbuh dan berganti. Sudah pastilah sistem adat itu cukup gagah dan perkasa, hidup bertunjang jauh ke dalam bumi tempat tumbuhnya, melentur mengikut arah angin dan ribut perkembangan masyarakat dan budaya. Sistem adat sudah

membuktikan keazaman dan kekuatan *persistence* untuk terus hidup melalui edaran masa (Zainal Kling, 1994: 163-164).

1.2 JUSTIFIKASI KAJIAN

1.2.1 Latar Belakang Kajian Dan Permasalahan

Permasalahan pembahagian harta pusaka secara Sistem Adat bukan sahaja sering menjadi kontroversi di kalangan penganut adat itu sendiri, tetapi juga menjadi isu hangat dan menarik perhatian masyarakat luar. Isu ini juga sering mendapat tumpuan para pengkaji dan tidak kurang juga, sering dibentangkan dalam seminar-seminar tertentu. Tumpuan lebih terhadap pembahagian harta pusaka secara Sistem Adat ini mungkin berlandaskan sistem pewarisannya yang mengikut nasab ibu (*matrilineal*).

Pada dasarnya, harta pusaka di kalangan masyarakat adat adalah kepunyaan suku. Harta tersebut akan diwarisi secara turun-temurun daripada ibu kepada anak perempuan dan seterusnya kepada keturunan perempuan. Atas dasar inilah timbulnya pelbagai kekeliruan, ketidakpuasan hati dan keraguan ke atas pembahagian harta yang mementingkan kaum wanita dan seolah-olah menganaktirikan kaum lelaki.

Lantas, timbul pula pelbagai permasalahan apabila timbulnya tanggapan-tanggapan yang menyatakan pembahagian harta pusaka secara sistem adat ini, ketinggalan zaman, kolot dan tidak perlu ditradisikan lagi. Keadaan menjadi kian

meruncing apabila wujudnya suara-suara lantang yang menyatakan ianya bercanggah dengan hukum Islam.

Ekoran daripada itulah, wujudnya pelbagai perubahan yang semakin lari dari landasan Sistem Adat dan perundangan hukum Islam mula dipraktikkan. Hakikatnya, perubahan ini berlaku turut berpunca daripada ketidakselarasan, faktor penjajah dan perubahan semasa.

Atas kesedaran inilah, tercetusnya minat di hati pengkaji yang tergolong dalam masyarakat luar untuk menjalankan penyelidikan dan turun ke lapangan bagi mengetahui keadaan sebenar. Oleh kerana topik yang dipilih melibatkan permasalahan perubahan, pengkaji telah mengenalpasti kawasan-kawasan di Sungai Ujong yang sekarang ini dikenali sebagai Seremban, yang telah pun mengalami perubahan dari segi pembahagian harta pusakanya. Dengan cara inilah, diharapkan segala yang kusut akan terlerai, segala persoalan akan terjawab dan mencapai satu kebenaran.

1.2.2 Skop kajian

Secara umumnya, persoalan tentang pembahagian harta di dalam Adat Perpatih amat luas skopnya. Oleh yang demikian, tumpuan dalam penyelidikan dan penulisan kertas projek ini hanya meliputi salah satu aspek harta iaitu 'harta pusaka' sahaja. Walau bagaimanapun, persoalan "Perubahan Dalam Sistem Pembahagian Harta Pusaka" turut memuatkan penerangan ringkas tentang beberapa jenis harta lain, seperti harta carian,

harta dapatan dan harta bawaan. Penjelasan ini dianggap penting untuk memperjelaskan klasifikasi harta di dalam sistem pembahagian harta komuniti masyarakat Adat.

Selain pengkhususan terhadap perubahan dari aspek harta pusaka, kajian juga merangkumi penerangan tentang perbandingan pembahagian harta pusaka secara sistem Adat dan Hukum Syarak (faraidh). Perbandingan ini amat penting untuk melihat perbezaan antara pembahagian harta-harta tersebut dan seterusnya menilai keberkesanannya.

Justeru itu, untuk memperjelaskan lagi perubahan dalam sistem adat di kalangan penganut Adat Perpatih, amatlah wajar dimuatkan persoalan “adakah pengamalan sekarang ini lari dari landasan adat dan menuju ke Islam atau masih mempertahankan nilai-nilai adat”. Di samping itu, penilaian terhadap sejauhmana pengaruh Islam membentuk sistem pewarisan kaum adat boleh berasaskan tokoh-tokoh agama tempatan dan pemuka adat bagi sesuatu kawasan yang tertentu.

Bagi tujuan tersebut, amatlah perlu untuk menghadkan beberapa kawasan yang lebih kecil sebagai sampel kajian. Pemilihan kawasan yang difokuskan ini adalah berdasarkan kawasan yang dianggap mengalami perubahan dalam sistem adat, walaupun tidak secara total. Pemilihan kawasan kajian yang terfokus ini diyakini dapat memberikan gambaran terperinci untuk melihat perubahan dalam sistem adat di kalangan penganut Adat Perpatih dengan lebih mendalam lagi.

Setelah diamati, penyelidikan akan dilakukan di kalangan pengamal adat di Sungai Ujong dan lebih diperincikan lagi di tiga kawasan khusus iaitu di Labu/Nilai, Rantau dan Rasah.

1.3 GELINTIRAN KESUSASTERAAN

Secara umumnya, penulisan yang memperihalkan isu “Adat Perpatih Di Negeri Sembilan” begitu banyak dan meluas. Masing-masing menggunakan pendekatan, persepsi dan skop kajian yang berbeza untuk diterokai. Golongan ini terdiri daripada pengkaji tempatan, tidak kira anak kelahiran adat yang terlibat secara langsung dengan sistem adat ataupun tidak ada kaitan langsung dengannya.

Antaranya termasuklah, Mohd. Faraded Mohd. Dom yang membincangkan “Persoalan Harta Dalam Adat Perpatih”, hasil penulisan *Latihan Ilmiah*, 1976, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil penulisannya menyentuh persoalan harta pusaka secara umum dan menyeluruh, tetapi tidak dengan terperinci.

Manakala, kajian dan penulisan yang dilakukan oleh Enawaty Anuwar pula adalah bertajuk “Sistem Pewarisan Harta Pusaka Di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Perspektif Menurut Hukum Faraidh”, *Latihan Ilmiah*, 1998, Jabatan Persuratan Melayu, UKM.

Kajiannya mengkhusus terhadap aspek pewarisan harta yang tidak menghadkan terdapat sesebuah daerah yang lebih kecil, sebagai sampel kajian. Di samping itu, beliau turut mengutarakan penilaian terhadap sejauhmana kebenaran pendapat pendapat mengenai percanggahan pola pewarisan Pusaka Benar, dengan mengemukakan beberapa hujahan tokoh-tokoh dan pemuka adat.

Kajian Abdul Halim Zulkifli “ Pembahagian Pusaka Di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih Di Negeri Sembilan. Satu Kajian Kes Pesaka Menurut Adat dan Faraidh” *Latihan Ilmiah*, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM pada 1989 juga memberikan input tentang permasalahan pembahagian pusaka mengikut undang-undang dan masalah yang dihinggap oleh pihak pegawai penyelesaian pusaka.

Selain itu, terdapat juga beberapa hasil penulisan lain yang turut membincangkan persoalan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan. Antaranya adalah; Rossilah Bakar, di dalam *Latihan Ilmiah* yang berjudul “Perbilangan Adat: Satu Kajian Dari Aspek Hukum Adat”, Jabatan Persuratan Melayu, UKM, Asmah Ujang “Pembahagian Harta Di Luak Rembau Kajian Menurut Syarak” *Latihan Ilmiah*, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian, UKM pada 1989 dan Saiful Asmanizan Husin, di dalam *Latihan Ilmiah* yang berjudul “Sistem Pembahagian Harta Pusaka Di Dalam Adat Perpatih: Satu Perbandingan Dengan Sistem Faraidh”, Jabatan Persuratan Melayu, UKM pada 1997.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian dan penulisan ini adalah bertujuan untuk memahami beberapa keinginan iaitu:

- 1) mengkaji sejauhmana pengaruh Islam membentuk sistem pewarisan harta pusaka di kalangan masyarakat adat di Sungai Ujong.
- 2) memperincikan lagi persoalan sama ada pengamalan sekarang ini lari dari landasan adat dan menuju ke Islam secara total atau masih mempertahankan nilai-nilai adat.
- 3) mendalami lagi persoalan berkaitan pembahagian harta pusaka yang telah diusahakan terlebih dahulu oleh beberapa orang mahasiswa ke arah skop yang tertentu dan terperinci lagi.
- 4) mengetahui secara mendalam sejauhmana kesinambungan atau pengekalan sistem adat dan perubahan yang dialami oleh komuniti di Sungai Ujong. Pengkajian itu turut bertujuan untuk menjelaskan kepada masyarakat luar Negeri Sembilan bahawa tidak semua daerah dan kawasan Negeri Sembilan masih mengamalkan aturan hidup masyarakat Adat Perpatih.
- 5) menganalisis suara majoriti masyarakat adat di kawasan kajian sama ada pembahagian harta pusaka secara sistem adat ini patut dikekalkan sama sekali atau perlu diubah.
- 6) membuktikan sejauhmana kebenaran pengkaji terdahulu yang menyatakan adat ini adalah fleksibel, melentur mengikut arah angin serta ribut perkembangan masyarakat dan budaya. Bak kata ungkapan perbilangan:

Nan elok dipakai,
 Nan buruk dibuang,
 Usang-usang diperbaharui,
 Lapuk-lapuk dikajangi,
 Ibu adat itu muafakat.

1.5 KERANGKA TEORI/KONSEPSUAL

1.5.1 Harta Pusaka

Secara umumnya, sistem pewarisan harta di dalam Adat Perpatih adalah berdasarkan kepada Hukum Adat Waris iaitu, kaedah-kaedah hukum yang mengatur pemindahan harta seseorang yang meninggal dunia kepada ahli warisnya.

Untuk membolehkan harta itu diwariskan, terdapat tiga unsur penting yang perlu diperhatikan dan diselesaikan menurut Hukum Adat Waris iaitu:

- i) terdapat seseorang yang meninggal dunia.
- ii) terdapat ahli waris simati.
- iii) terdapat harta peninggalan simati.

Berdasarkan sistem pewarisan harta di dalam Adat Perpatih juga, terdapat tiga jenis harta yang difokuskan iaitu:

- i) Sistem Pewarisan Harta Pusaka.
- ii) Sistem Perwarisan Harta Carian Suami Isteri.

iii) **Sistem Pewarisan Harta Perkahwinan.**

Namun begitu, tumpuan di dalam kertas projek ini adalah ke atas pembahagian harta pusaka. Oleh itu, penjelasan tentang Sistem Perwarisan Harta Pusaka secara lebih terperinci.

1.5.2 Sistem Perwarisan Harta Pusaka.

Terdapat beberapa corak tentang pewarisan harta pusaka ini. Corak pertama ialah Openurunan cara terus. Cara ini dilakukan sekiranya terdapat keturunan perempuan pada setiap generasi. Cara mewarisi harta pusaka seperti ini adalah seperti berikut:

Apabila si ibu meninggal dunia, harta pusaka itu jatuh kepada anak-anak perempuannya. Ego akan menerima pusaka dari ibunya dan apabila Ego meninggal dunia, harta pusaka itu akan diwariskan pula kepada anak-anak perempuannya. Seterusnya, harta itu akan diturunkan kepada anak-anak perempuan Ego (Faraded, 1979: 31). Jika si ibu tidak mempunyai anak perempuan, maka yang mewarisi harta tersebut ialah keluarga perempuan yang hampir atau sekedim sekali, pada lazimnya ialah saudara perempuan atau anak saudara perempuan.

Oleh itu, harta pusaka itu akan diturunkan kepada saudara Perempuan Ego atau anak saudara perempuannya. Andainya tidak ada waris sekedim, maka harta itu akan berpindah kepada saudara perempuan di dalam suku. Sekiranya beliau tiada waris yang dekat, baharulah harta tersebut jatuh kepada waris yang sesama suku.

Menurut peraturan adat, jika timbul keadaan di mana sesuatu suku itu sudah tidak ada dan harta pusaka tidak dapat diturunkan kepada sesiapa, tanah pusaka sedemikian dikenali '*pusaka gadang*'. Keadaan demikian sangat sedikit kemungkinannya. Jika berlaku keadaan yang demikian, maka anak atau waris lelaki akan menyembahkannya kepada Undang untuk dilelongkan. Dalam lelongan ini, anggota-anggota suku itu sendiri diberikan keutamaan sebelum dibuka kepada orang ramai. Hasil dari lelongan itu, akan diberikan kepada anak-anak lelaki si mati, abang atau bapa saudaranya mengikut keadaan.

Menurut konsep am Adat Perpatih mengenai kewarisan, sistemnya adalah sistem kewarisan kolektif, iaitu setiap ahli waris tidak mempunyai hakmilik atas harta peninggalan atau harta pusaka tetapi hanya mempunyai hak pakai.

Harta pusaka ini adalah milik suku (E.N. Taylor, 1929: 31), dan lazimnya terdiri dari tanah-tanah kampung sawah, dusun buah-buahan dan rumah yang diwarisi dari ibu yang letaknya di atas tanah pusaka (Ahmad Ibrahim, 1965/66: 31). Harta ini dikenali dengan nama harta pusaka benar. Di samping itu, ada pula harta pusaka yang disebut harta pusaka sendiri iaitu harta warisan perempuan daripada emak/bapa, baik yang berupa pakaian atau barang-barang kemas yang dapat dibahagikan kepada anak lelaki dan perempuan, menurut jenis barang kemas dan lain-lain seumpamanya.

Sesuai dengan sistem kekeluargaan yang '*unilateral-matrilieal*', maka yang berhak mewarisi adalah setiap orang yang disusur-galurkan kepada garis perempuan

sahaja. Tegasnya, semua pusaka benar diturunkan kepada anak-anak perempuan sahaja (E.N. Taylor, 1929: 9).

Menurut Adat Perpatih, Buapak dan Datuk Lembagalah yang bertindak sebagai wakil keluarga dan suku atau dengan pendek kata merekalah sebagai pemegang kuasa atas tanah pusaka benar. Dalam hal ini, tidak ada sesiapa pun dibenarkan menjual atau menggadaikan tanah pusaka benar ini kecuali yang ditentukan menurut syarat atau dengan empat alasan sebagaimana yang telah digurindamkan oleh adat:

Adat tak berdiri,
Rumah gadang ketirisan,
Gadis gadang tak berlaki,
Mayat terbujur di tengah rumah.

1.6 METODOLOGI

Bagi memperlengkapkan dan menyempurnakan penulisan kertas projek ini, pengkaji sememangnya telah merencanakan beberapa kaedah pengumpulan data secara sistematik. Perencanaan sedemikian amat penting dalam usaha untuk mencapai matlamat penulisan yang bersifat akademik. Secara khususnya, keseluruhan data-data diperolehi daripada hasil analisis beberapa kaedah yang digabungkan iaitu; kaedah penyelidikan perpustakaan dan kaedah soal selidik.

Kaedah perpustakaan merupakan penyumbang terbesar terhadap proses pengumpulan maklumat-maklumat yang diperlukan. Bahan-bahan rujukan seperti buku-buku dan kajian-kajian berbentuk ilmiah, penghasilan penulis-penulis tempatan dan barat, tesis, jurnal, kertas kerja seminar, laporan, majalah dan keratan-keratan akhbar amat bermakna dalam proses pemerolehan data-data asas yang terkini.

Melalui kaedah ini juga, data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen serta rekod boleh diperolehi. Berdasarkan sumber sekunder tersebut, proses penyelidikan dan penulisan kertas projek ini dapat dipermudahkan. Di sini, segala konsep asas permasalahan seperti definisi, latar belakang, sejarah kelahiran, sistem Adat Perpatih, perubahan di kalangan penganutnya dan sebagainya boleh diperolehi, hasil daripada penulisan terdahulu.

Oleh itu, kaedah penyelidikan perpustakaan ini melibatkan beberapa buah perpustakaan yang sering dikunjungi iaitu; Perpustakaan Tun Seri Lanang, Perpustakaan Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), dan Pusat Sumber Jabatan Persuratan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Di samping itu, pengkaji akan menggunakan kaedah soal selidik yang lebih melibatkan soalan tertutup dan hanya beberapa soalan terbuka. Soalan ini diedarkan di kalangan responden yang tinggal di kawasan yang dipilih. Untuk itu, seramai lebih kurang 30 orang responden akan dipilih dan sasaran responden terdiri daripada golongan

yang mewakili sesebuah organisasi seperti pemimpin tempatan dan pemuka adat. Misalnya, Datuk Lembaga, dan Buapak bagi sesebuah Suku atau Perut.

Pemilihan responden sebegini amat penting untuk mendapatkan maklumat yang tepat tentang persoalan yang dikemukakan tentang proses perjalanan Adat Perpatih dan perubahan dalam aspek pembahagian harta pusaka. Justeru itu, golongan ini merupakan golongan yang dianggap pakar dan mewakili suku, perut dan anak buahnya. Antara responden yang bakal ditemui adalah Datuk Serempu di Nilai, Haji Mat Awal dan Omar B. Tasmin selaku, Buapak.

Sementara itu pengkaji turut menemui Dato' Murtadha, selaku Mufti dan Ustaz Damiri B. Yahya selaku Penolong Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, untuk mendapatkan maklumat. Responden lain yang bakal ditemui juga adalah En. Sulaiman Kadimin selaku, Penolong Pengarah, Seksyen Pembahagian Harta Pusaka, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan, En. Murad Md. Jan dan Saudara Ramli Isin.

Hakikatnya, penulisan ini memerlukan kaedah penyelidikan yang begitu mendalam, iaitu meliputi kaedah penyelidikan perpustakaan dan menuntut kaedah penyelidikan di lapangan. Kedua-dua kaedah ini amat penting dalam penghasilan penulisan yang berkesan.

1.7 HIPOTESIS

Sebelum mengkaji isu ini secara mendalam, pelbagai andaian dan tanggapan yang berlegar-legar difikirkan pengkaji. Segala andaian dan tanggapan di buat berasaskan panduan umum seperti pemerhatian secara kasar, pembacaan, hujahan rakan dan sebagainya. Antara hipotesis yang dapat dikemukakan termasuklah:

- 1) Pengamalan pembahagian harta pusaka secara sistem adat masih kuat diamalkan di kalangan masyarakat adat di Sungai Ujong, berbanding Hukum Faraidh.
- 2) Pembahagian harta pusaka berteraskan Hukum Faraidh hanya diamalkan apabila timbulnya sebarang permasalahan dalam sistem adat.
- 3) Hukum Faraidh hanya dilaksanakan apabila dipersetujui 'sebulat kata' setiap ahli keluarga yang terlibat.
- 4) Golongan muda tidak mengamalkan lagi pembahagian harta secara sistem adat berbanding golongan tua.
- 5) Pembahagian harta secara Hukum Faraidh adalah lebih adil dan sempurna berbanding dengan sistem adat.
- 6) Pembahagian dilakukan secara permuafakatan (sama rata).

BIBLIOGRAFI.

- A.Samad Idris dan Norhalim Hj. Ibrahim. 1994. Negeri Sembilan: Gemuk Di Pupuk, Segar Bersiram; *Adat Merentas Zaman*: Negeri Sembilan. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan.
- Abdul Ghani Shaharuddin. 1983. Adat Perpatih Negeri Sembilan Patutlah Dikaji Dengan Teliti. *Dewan Masyarakat*, Januari: 22-24.
- _____. 1983. Sekali Air Bah Sekali Tanjung Berubah. *Dewan Masyarakat*, Februari :42-44.
- Abdul Halim Zulkifli. 1989. Pembahagian Pusaka Di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Kajian Kes Pesaka Menurut adat dan Faraidh. *Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Rahman Hj. Mohammad. 1964. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Siddik. 1975. *Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Abu Hassan Sham dan Marriyam Salim. 1995. *Sastera Undang-undang*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Damiri B. Yahya. 1998. *Pembahagian Harta Secara Islam*, Seremban, Negeri Sembilan. Temubual, 26 Ogos.
- Ahmad Ibrahim. 1965/66. *Islam Customary Law/Malaysia*. Intisari Vol. 11, No.2.
- Asmawati Baharuddin. 1998. *Permasalahan Tanah Terbiar*, Seremban, Negeri Sembilan. Temubual, 26 Ogos.
- Che Tom Kassim. 1999. *Sistem Adat Melindungi Hak Kaum Wanita*, Labu, Negeri Sembilan. Temubual, 10 Januari.
- Dharmawijaya. 1969. *Pesaka Terserah Ke Anak Perempuan*. *Dewan Masyarakat*, November: 38-40.
- Dt. B. Nordin Yakub. 1995. *Hukum Kekerabatan Minangkabau (Jilid I & II)*. Jakarta. CV. Pustaka Indonesia.

- Enawaty Anuwar. 1998. Sistem Pewarisan Harta Pusaka Di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Perspektif Menurut Hukum Faraidh. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Fadhilah Fadhil B. Othman Safar. 1999. *Pembahagian Harta Secara Sistem Adat, Faraidh Dan Permuafakatan*, Rasah, Negeri Sembilan, Temubual. 10 Januari.
- Faraded Md. Dom. 1979. Persoalan Pembahagian Harta dalam Adat Perpatih. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hooker M.B. 1976. *Adat Laws in Modern Malaya; Land Tenure, Traditional Government And Religion*. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Ibrahim bin Atin. 1956. *Perbilangan Adat. Pulau Pinang*. Sinaran Bros.
- Ismail B. Abdul Hadi. 1998. *Adat Perpatih*, Seremban, Negeri Sembilan. Temubual, 16 Jun.
- Mochtar Naim. ed. 1968. *Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau*. Padang. Center For Minangkabau Studies Press.
- Mohd. Murad B. Mohd. Yusof. 1998. *Pewarisan Harta Berdasarkan Konsep Hukum Faraidh*, Seremban, Negeri Sembilan. Temubual, 26 Ogos.
- Mohd. Saleh Abas. 1965. *Mengenal Undang-undang*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Shah B. Mohd. Said al-Haj. 1996. *Tambo Alam Naning*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newbold, T.J. 1971. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*. John Murry. 1983. cetak semula. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Norazit Selat. 1996. "Pembahagian Harta Pusaka Dalam Adat Perpatih". *Kertas Seminar Adat Perpatih*. Allson Klana Resort, Negeri Sembilan, 24 Julai.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Jabatan Penerbitan Utusan Melayu.
- _____. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____. 1997. "Peranan Institusi Adat Di Dalam Pembangunan dan Pentadbiran Tanah". *Kertas Kerja Seminar* Tertutup Pemantapan Nilai Islam Dalam Sistem Adat Perpatih. Jabatan Mufti Kerajaan dan Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan, 24-25 November.
- Noritah Sulaiman. 1994. Pembahagian Terperinci Dalam Al-Quran. *Al-Islam*. Julai:16.
- Nurdin Yakub. 1995. *Hukum Kekerabatan Minangkabau*. Jilid I & II. Bukit Tinggi. Pustaka Indonesia.
- Omar B. Tasmin. 1999. *Pembahagian Harta Pusaka Di Labu, Labu, Negeri Sembilan*, Temubual, 10 Januari.
- Othman Ishak. 1979. *Hubungan antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rossilah Bakar. 1994. Perbilangan Adat: Satu Kajian Dari Aspek Hukum Adat. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Saiful Asmanizan Husin. 1997. Sistem Pembahagian Harta Pusaka Di Dalam Adat Perpatih: Satu Perbandingan Dengan Sistem Faraidh. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Sulaiman Kadimin. 1997. "Tanah Adat Negeri Sembilan, Permasalahan dan Cabaran. *Kertas Kerja Seminar* Tertutup Pemantapan Nilai Islam Dalam Sistem Adat Perpatih. Jabatan Mufti Kerajaan dan Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan, 24-25 November.
- _____. 1998. *Harta Pusaka Dan Tanah Adat, Seremban*, Negeri Sembilan, Temubual, 15 Disember.
- Taylor, E.N. 1929. *The Customary Law of Rembau*, JMBRAS, Vol. VII, pt.1.
- Thomas Lynn & Benda Beckmann Franz Van. 1985. *Change and Continuity in Minangkabau*. Athens, Ohio. Ohio University Center for International Studies, Center for Southeast Asian Studies.
- Zainal Kling. 1969. Sistem Kekeluargaan di Melaka. *Tesis Sarjana Muda*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

LAMPIRAN**SOALAN KAJIAN SOAL SELIDIK****BAHAGIAN A (IDENTIFIKASI RESPONDEN)****(TANDAKAN / DI RUANG BERKAITAN)**

1) Umur

25-34 tahun	
35-44 tahun	
45-49 tahun	
50-59 tahun	
60 tahun ke atas	

2) Jantina

L			P
---	--	--	---

3) Status

Bujang	
Berkahwin	
Janda	
Duda	

4) Suku

Biduanda	
Batu Hampar	
Tanah Datar	
Seri Lemak	
Lain-lain. Sila nyatakan	

5) Taraf
Pendidikan

Tidak bersekolah	
Sek. Rendah	
Sek. Menengah	
Kolej/Universiti	

6) Pekerjaan

Kerajaan	Swasta	Bekerja sendiri	Pelajar	Suri Rumah	Lain-lain Nyatakan

7) Pendapatan

Kurang drp. 500	
500-800	
900-1000	
1000 ke atas	

8) Tempat tinggal

Labu/ Nilai	
Rasah	
Rantau	
Lain-lain. Sila nyatakan	

9) Tempoh masa
menetap di tempat
sekarang

Kurang daripada 5 tahun	
6-8 tahun	
8-10 tahun	
Lebih daripada 10 tahun	

BAHAGIAN B: PANDANGAN TERHADAP PEMBAHAGIAN HARTA SECARA SISTEM ADAT DAN HUKUM FARAIDH

1) Adakah saudara faham tentang pembahagian harta secara sistem Adat Perpatih?

amat faham	faham	sederhana faham	amat tidak faham

2) Wajarkah ia dipertahankan? Nyatakan alasan saudara.

amat wajar	wajar	sederhana wajar	amat tidak wajar

3) Bagaimanakah cara pembahagian harta di kalangan suku saudara?
Adakah mengikut adat, faraidh atau lain-lain (sama-rata).
Nyatakan.

4) Adakah keluarga saudara masih mengamalkan pembahagian harta secara sistem adat?

ya	tidak

5) Adakah harta yang anda miliki sekarang bersumberkan harta pusaka?
Beri penjelasan anda.

ya	tidak

6) Adakah anda faham tentang pembahagian harta mengikut hukum Faraidh?

amat faham	faham	sederhana faham	tidak faham

7) Adakah terdapat usaha-usaha untuk mengamalkan sistem pembahagian harta secara hukum Faraidh di kalangan ahli keluarga saudara?

ya	tidak

8) Terdapatkah sebarang permasalahan/bantahan daripada ahli keluarga saudara sekiranya pembahagian harta secara hukum Faraidh dilaksanakan?

ya	tidak

9) Adakah terdapat sebarang usaha untuk mengekalkan sistem adat ini di kalangan ahli keluarga saudara?

ya	tidak

10) Bagaimanakah tanggapan di kalangan pengamal adat, sekiranya seseorang itu tidak mengamalkan pembahagian harta secara sistem adat?

11) Adakah saudara merasakan pembahagian harta secara Islam amat adil?

ya	tidak